

## PENYATA PENDEDAHAN PRODUK

(Sila baca dan fahami Penyata Pendedahan Produk ini bersama-sama dengan terma-terma dan syarat-syarat bagi produk ini sebelum anda memohon atau membuat keputusan untuk mengambil BSN SIJIL SIMPANAN PREMIUM (BSN SSP)



### BSN SIJIL SIMPANAN PREMIUM (BSN SSP)

Tarikh :

(Untuk diisi oleh Staf Jualan / Cawangan)

#### 1. Apakah produk ini?

- BSN SSP ialah produk mandat Bank Simpanan Nasional (BSN) di mana Pelanggan boleh menyertai Cabutan BSN SSP dan berpeluang memenangi hadiah cabutan yang menarik. Ia merupakan produk simpanan unik patuh Syariah terbuka kepada Pelanggan individu seawal 12 tahun. BSN SSP adalah dijamin oleh Kerajaan Malaysia.

#### 2. Apakah konsep Syariah yang digunakan untuk produk ini?

- Mudarabah adalah kontrak antara pemilik modal (rabbul mal) dan pengusaha (mudarib) di mana rabbul mal menyediakan modal untuk diuruskan oleh pengusaha dan sebarang keuntungan yang terhasil dari modal tersebut dikongsi di antara rabbul mal dan mudarib mengikut nisbah perkongsian keuntungan (NPK) yang dipersetujui manakala kerugian ditanggung oleh rabbul mal mengambil kira kerugian tersebut tidak disebabkan oleh kecuaian *mudarib* seperti salah laku (*ta'addi*), cuai (*taqsim*) atau melanggar syarat-syarat yang telah ditetapkan (*mukhalafah al-shurut*).

#### 3. Apa yang boleh saya perolehi dari produk ini?

- Layak untuk cabutan BSN SSP dengan 1 kelayakan untuk 1 unit BSN SSP (RM10).
- Keuntungan (jika ada) akan diagihkan antara Bank dan Pelanggan berdasarkan Nisbah Perkongsian Keuntungan (NPK) yang dipersetujui seperti di bawah:

Jumlah BSN SSP (RM)	Nisbah Perkongsian Keuntungan (NPK) Pelanggan:Bank
10 – 50,000	1:99
>50,000	2:98

- Keuntungan adalah dikira secara bulanan dan dibayar secara tahunan. Pengiraan keuntungan mengikut formula berikut:  
$$\text{Baki Minima Bulanan} \times \text{Kadar Keuntungan Indikatif}^* \times \text{Bilangan Hari} / 365$$
(bukan tahun lompat) atau 366 (tahun lompat)  
Nota: \*Kadar Keuntungan Indikatif akan dipaparkan di laman sesawang BSN dari semasa ke semasa.
- Semua hadiah SSP adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan.

#### 4. Apakah terma dan syarat lain bagi produk ini yang perlu saya tahu?

- Simpanan minima ialah RM10. Tiada had maksima bagi jumlah simpanan atau tempoh.
- BSN SSP boleh ditebus sepenuhnya atau sebahagian daripadanya selepas 45 hari dari tarikh simpanan.
- Penebusan BSN SSP boleh dibuat di mana-mana Cawangan Bank.
- Hadiah Cabutan SSP hendaklah dituntut oleh pemenang dalam tempoh 12 bulan dari tarikh cabutan BSN SSP.

#### 5. Apakah kadar fi dan caj yang saya perlu bayar?

- Tiada fi dan caj dikenakan

#### 6. Apakah risiko-risiko utama yang dihadapi dalam produk ini?

- BSN SSP adalah tertakluk kepada tempoh pegangan selama 45 hari dari tarikh simpanan.
- Sebarang keuntungan hendaklah dituntut dalam masa satu tahun dari tarikh pembayaran keuntungan. Jika gagal, jumlah keuntungan akan tertakluk kepada wang tak dituntut.
- Pelanggan dinasihati untuk mempertimbangkan semua faktor-faktor risiko sebelum membuat keputusan untuk menyimpan di dalam BSN SSP.

#### **7. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada butiran peribadi saya?**

- Adalah sangat penting untuk Pelanggan memaklumkan kepada pihak Bank sebarang pertukaran alamat, nombor untuk dihubungi atau butiran lain dengan mengunjungi Cawangan Bank. Ini bagi memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai kepada Pelanggan tepat pada masanya.

#### **8. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

- Jika memerlukan maklumat tambahan mengenai produk ini, sila rujuk terma dan syarat produk yang disediakan di laman sesawang kami di [www.bsn.com.my](http://www.bsn.com.my)
- Jika terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

**Pusat Khidmat Pelanggan**

Bank Simpanan Nasional

Tel: 1300 88 1900 / 603 2613 1900 (Luar Negara)

Fax: 03 2613 1888

Email: [customercare@bsn.com.my](mailto:customercare@bsn.com.my)

#### **9. Lain-lain produk simpanan yang ditawarkan?**

- BSN GIRO-i
- BSN GIRO-i eSaver
- BSN Basic Savings Account-i

Terma dan syarat di dalam Penyata Pendedahan Produk ini adalah sah pada atau sehingga \_\_\_\_\_.